

## UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Semester Pertama  
Sidang Akademik 1998/99

Ogos/September 1998

SBW301 - Perancangan dan Pengurusan Projek

Masa: [3 jam]

---

Sila pastikan bahawa kertas peperiksaan ini mengandungi TUJUH muka surat yang bercetak sebelum anda memulakan peperiksaan ini.

Kertas peperiksaan ini akan dikutip semula dan tidak boleh dibawa keluar dari dewan peperiksaan.

Arahan-arahan:

Jawab **SEMUA** soalan-soalan objektif di **BAHAGIAN A**. Setiap soalan diberi 2 markah. Gunakan kertas jawapan komputer yang disediakan.

Jawab hanya **DUA (2)** soalan di **BAHAGIAN B**. Setiap soalan diberi 25 markah. Jawapan mestilah padat.

**BAHAGIAN A** (Jawab SEMUA soalan objektif - no. 1-25)**Soalan 1** (50 markah)

1. Yang mana bukan ciri-ciri sesuatu projek?
  - A. Mempunyai jangka hayat yang terhad
  - B. Mesti mempunyai sistem laporan yang rasmi dan tak rasmi
  - C. Dirancang untuk mencapai sesuatu objektif tertentu
  - D. Dirancang untuk aktiviti-aktiviti yang unik
  - E. Semua yang di atas


Soalan 2 hingga 5 menggunakan pilihan jawapan dibawah.

- A. Fasa Penyelesaian/Penilaian
  - B. Fasa Rekabentuk
  - C. Fasa Penyediaan
  - D. Fasa Perlaksanaan
- 
2. Di dalam Fasa manakah sumber tenaga manusia dan sumber-sumber lain dikenalpasti?
  3. Di dalam Fasa manakah kajian fisibiliti dilaksanakan?
  4. Di dalam Fasa manakah kajian mengenai kaedah-kaedah untuk mencapai objektif dilaksanakan?
  5. Di dalam Fasa manakah pemindahan sumber ke sistem-sistem lain dilaksanakan?
  6. Ciri atau ciri-ciri yang manakah perlu dimiliki oleh seorang Pengurus Projek?
    - A. Jujur dan ikhlas
    - B. Berkebolehan membuat keputusan
    - C. Memahami masalah pekerja
    - D. Keserbabolehan
    - E. Semua yang di atas
  7. Perancangan ialah:
    - A. Membuat pilihan polisi dan prosedur untuk mencapai sesuatu objektif
    - B. Membuat keputusan
    - C. Satu cara untuk mengawas dan mengawal kerja
    - D. Semua yang di atas
    - E. Bukan semua yang di atas
  8. Yang mana bukan sebab utama kegagalan sesuatu perancangan?
    - A. Terlalu banyak tindakan perlu diambil didalam masa yang singkat
    - B. Perancangan dilaksanakan oleh kumpulan yang merancang
    - C. Pengurusan menganggap segala aktiviti tidak dapat dilaksanakan mengikut jadual
    - D. Anggaran perbelanjaan kewangan yang tidak tepat
    - E. Bukan semua di atas

9. Yang mana punca kegagalan pengurusan projek yang selalu tidak dititikberatkan?
- A. Kesalahan memilih Pengurus Projek
  - B. Definasi tugas yang tidak tepat
  - C. Penamatan projek yang tidak dirancang terlebih dahulu
  - D. Tidak mendapat galakan daripada pihak pengurusan
  - E. Penyalahgunaan teknik pengurusan
10. Komunikasi di dalam pengurusan boleh didefinisikan sebagai:
- A. Menyediakan arahan di dalam bentuk lisan atau tulisan
  - B. Penukaran maklumat
  - C. Penghapusan halangan atau rintangan antara dua pihak
  - D. Semua yang di atas
  - E. Bukan semua di atas
11. Yang mana di bawah tidak dapat diawasi semasa menggunakan Jadual Struktur Komponen Kerja Projek?
- A. Masa
  - B. Perbelanjaan
  - C. Tahap pencapaian
  - D. Tugas dan tanggungjawab
  - E. Bukan semua di atas
12. Untuk mencapai pengurusan projek yang efektif, ciri-ciri fleksibiliti perlu wujud di dalam Jadual Struktur Komponen Kerja Projek.
- A. Betul
  - B. Salah
13. Yang manakah merupakan sebahagian daripada kitaran projek?
- A. Pembahagian kuasa kerja
  - B. Pengutipan data
  - C. Perbelanjaan dan perakaunan
  - D. Laporan maklumat
  - E. Analisis perbezaan (variasi)
14. Yang manakah bukan sebab utama jadual dan carta diperlukan?
- A. Mengurangkan kos dan masa
  - B. Memberi lebih masa untuk membuat keputusan
  - C. Menghapuskan pembaziran masa yang sia-sia
  - D. Membentuk prosedur dalam penyelesaian masalah
  - E. Semua yang di atas

15. Faktor-faktor persekitaran seperti undang-undang, sosial, politik, ekonomi dan teknologi yang mempengaruhi sesuatu projek:
- Sentiasa diawasi oleh Pengurus Projek terutama semasa pelaksanaan projek
  - Merupakan tanggungjawab Pengurus Projek
  - Merupakan tanggungjawab pihak atasan pengurusan
  - Semua yang di atas
  - Bukan semua di atas
16. Kertas kerja yang paling penting untuk membantu Pengurus Projek mengawal sesuatu projek adalah:
- Jadual Struktur Komponen Kerja Projek
  - Spesifikasi projek
  - Kenyataan bidang kerja
  - Jadual dan carta
  - Semua yang di atas
17. Pengurus Projek yang berjaya memberi tumpuan untuk:
- Merancang dengan pihak atasan pengurusan
  - Merancang dan berbincang dengan personel
  - Mengkaji pencapaian projek
  - Semua yang di atas
  - Bukan semua di atas

Soalan 18 hingga 21 adalah berdasarkan rangkaian Kaedah Laluan Kritikal/CPM di bawah.



18. Laluan kritikal (Critical Path) mengandungi aktiviti:
- 1-2-5-6-9-10
  - 1-3-5-6-9-10
  - 1-3-6-9-10
  - 1-4-8-9-10
  - 1-4-7-9-10

19. Untuk AKTIVITI 8, masa terawal ianya dijangka boleh dilaksanakan:

- A. 3 hari
- B. 4 hari
- C. 6 hari
- D. 8 hari
- E. 9 hari

20. Untuk AKTIVITI 8, masa terakhir ianya boleh dilaksanakan:

- A. 2 hari
- B. 6 hari
- C. 9 hari
- D. 12 hari
- E. 15 hari

21. Jumlah masa yang boleh ditangguhkan (Slack time) untuk AKTIVITI 8 ialah:

- A. 2 hari
- B. 3 hari
- C. 5 hari
- D. 6 hari
- E. 9 hari

22. Pengurusan projek:

- A. Tidak diperlukan sekiranya semua pengurus bahagian menjalankan tanggungjawab masing-masing
- B. Diperlukan sekiranya semua organisasi yang merancang dan mengawal projek tidak dapat menjamin projek siap mengikut jadual dan budget
- C. Tidak diperlukan kecuali projek di dalam keadaan bermasalah
- D. Diperlukan di dalam projek yang besar sahaja
- E. Bukan semua di atas

23. Untuk plan projek yang komprehensif, jadual:

- A. Adalah agenda untuk melaksanakan apa yang dirancang atau sebahagian daripadanya
- B. Tidak penting oleh kerana sebab semua yang terlibat melaksanakan apa yang telah dirancang
- C. Digunakan untuk menghasilkan jadual masa untuk melaksanakan aktiviti-aktiviti yang utama
- D. Menyediakan peluang kepada pihak atasan mengubah arah atau haluan sesuatu projek
- E. Bukan semua di atas

24. Pelaksanaan merupakan fasa terpenting di dalam projek. Fasa waktu di dalam pelaksanaan projek adalah:
- Fasa Pelaburan
  - Fasa Kemantapan
  - Fasa Pembangunan
  - Semua yang di atas
  - Bukan semua di atas
25. Penelitian dan perancangan awal memberi integrasi dan pendekatan komprehensif bagi sesuatu projek itu memenuhi jangka waktu dan perbelanjaan yang ditetapkan. Perancangan ini bermaksud:
- Pendekatan yang komprehensif kepada objektif projek termasuk pendekatan alternatif yang dirancang lebih awal di mana kos terlibat masih dapat dikawal
  - Penyediaan jadual untuk mengawal rekabentuk, pembelian bahan dan aktiviti pembinaan
  - Penyediaan anggaran yang tepat terhadap kos, perbelanjaan dan pengaliran wang tunai
  - Perancangan yang komprehensif dan sempurna bersama dengan jadual membantu mengawal dan membuat keputusan
  - Semua yang di atas

**BAHAGIAN B** (Jawab DUA (2) soalan sahaja)

**Soalan 2** (25 markah)

Terdapat faktor-faktor persekitaran yang mempengaruhi dan menghalang pencapaian matlamat dan objektif sesuatu projek. "*Force-field*" analisis merupakan satu kaedah yang boleh digunakan untuk mengkaji pengaruh persekitaran tersebut.

- i) Dengan mengambil satu contoh projek pembangunan, sediakan kaedah "*force-field*" analisis tersebut dengan mengambilkira aspek-aspek berikut:

| <u>Aspek</u>      | <u>Faktor Pengalak</u> | <u>Matlamat</u> | <u>Faktor Penghalang</u> |
|-------------------|------------------------|-----------------|--------------------------|
| <i>Ekonomi</i>    |                        |                 |                          |
| <i>Politik</i>    |                        |                 |                          |
| <i>Sosial</i>     |                        |                 |                          |
| <i>Teknologi</i>  |                        |                 |                          |
| <i>Imej</i>       |                        |                 |                          |
| <i>Persaingan</i> |                        |                 |                          |

- ii) Bincangkan faktor-faktor yang boleh dipengaruhi atau langkah-langkah penyelesaian alternatif bagi menjamin kejayaan projek tersebut.

...7/-

**Soalan 3 (25 markah)**

- i) Dengan mengambil satu contoh projek pembangunan, bincangkan lima tugas utama yang perlu dilaksanakan dalam *Fasa Penyelesaian*.
- ii) Bincangkan masalah-masalah yang dihadapi semasa projek berada di dalam
  - a) *Fasa Rekabentuk*
  - b) *Fasa Perlaksanaan*
- iii) Dengan mengambilkira masalah-masalah yang dikenalpasti di atas, bincangkan sama ada masalah-masalah ini boleh diatasi dengan memberi kaedah-kaedah penyelesaian.

**Soalan 4 (25 markah)**

- i) Bincang dan huraikan 5 masalah utama yang dihadapi dalam penggunaan Kaedah Laluan Kritikal (CPM) dan bagaimanakah ianya dapat diatasi?
- ii) Dengan menggunakan maklumat yang diberikan di bawah:

| <u>AKTIVITI</u> | <u>MINGGU</u> |
|-----------------|---------------|
| 1-2             | 5             |
| 1-3             | 3             |
| 2-4             | 2             |
| 2-5             | 3             |
| 3-5             | 3             |
| 4-6             | 6             |

- a) Sediakan Rangkaian CPM
  - b) Kenalpastikan Laluan Kritikal (Critical Path)
  - c) Tentukan masa yang dapat ditangguhkan (Slack Time) untuk setiap nod
- iii) Untuk menyediakan rangkaian CPM:
- a) Adakah perlu orang yang menyediakan rangkaian CPM tersebut memahami dan mempunyai definisi yang jelas mengenai keperluan dan objektif projek? Bincang dan huraikan.
  - b) Siapakah yang menyediakan rangkaian CPM dan siapakah yang bertanggungjawab mengintegrasikannya? Huraikan.
  - c) Adakah anda setuju bahawa masa akan meningkatkan kos sesuatu projek? Bincangkan dengan memberi contoh.